

**Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian – Joran** (Page: 2)

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **16 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Monsoon Cup berjaya tukar persepsi buruk musim tengkujuh**

## Monsoon Cup berjaya tukar persepsi buruk musim tengkujuh



**S**EPANJANG pertemuan dengan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Negeri Terengganu, Datuk Wan Hisham Wan Salleh, Sang Bedal didedahkan dengan pelbagai maklumat tepat mengenai Monsoon Cup. Maklumat itu berbeza dengan yang beredar di 'pasaran awam' sama ada di kedai kopi, lobi hotel dan cakap-cakap politik pembangkang yang jauh menyimpang daripada kebenaran.

Beliau berkata, pembangkang di Terengganu khususnya memang sentiasa menyalahkan kerajaan, memutar belit kenyataan dan mempolitikkan apa saja projek kerajaan. Malah katanya, usaha kerajaan memperkenalkan enjin pada bot menggantikan layar serta dayung pun di-

politikkan kononnya ikan akan lari apabila mendengar bunyi dan gegaran enjin bot sekali gus sukar memperoleh tangkapan.

Kemudian beliau memberitahu, usaha menggunakan jentera pembajak menggantikan bajak dan tenggala yang ditarik kerbau akan melenyapkan semangat padi. Bila semangat padi hilang maka tuaian akan merosot.

Begitu juga apabila kerajaan membina Jambatan Sultan Mahmud. Ketika projek dilaksanakan, kerajaan dihentam teruk. Tetapi apabila siap, merekalah yang berlumba-lumba menggunakannya.

Justeru Wan Hisham turut memberitahu nasib serupa menimpa projek Monsoon Cup yang bermula dengan pembangunan Teluk Warisan, Pulau Duyong. Pembangkang menyebarkan dakyah bahawa projek itu membazir dan eksklusif untuk orang tertentu saja.

Namun dalam tempoh 2005 hingga 2007 sudah berlaku pe-

ningkatan yang sangat luar biasa dan mengagumkan. Dari segi nilai publisiti dan pendedahan media, Monsoon Cup meraih nilai RM73 juta pada 2005, diikuti RM123 juta tahun lalu dan tahun ini meningkat RM150 juta. Tahun depan, nilai media yang disasar ialah RM200 juta.

Selain bertanding perahu layar, keputusan Wan Hisham melalui T-Best Events (anak syarikat kerajaan negeri dengan 60 peratus penguasaan ekuiti melalui Tabung Warisan Terengganu) yang dipengeruskannya, bekerjasama dengan Berita Harian menganjurkan pertandingan memancing juga memperkukuhkan kenyataan bahawa musim tengkujuh bukan musibah, bencana atau bala.

Wan Hisham berpegang kepada kenyataan bahawa setiap yang dicipta oleh Allah adalah penuh dengan manfaat dan faedah. Justeru, mewujudkan Monsoon Cup dengan dimeriahkan pertandingan memancing maka terbukti ada pel-

bagai usaha boleh dilakukan sepanjang musim tengkujuh ini.

Rasional Wan Hisham adalah mudah, jika kita berada dalam musim salji maka pakailah baju sejuk tebal. Jika berada dalam musim tengkujuh, pakailah baju hujan – untuk meneruskan segala aktiviti ekonomi atau kehidupan. Musim tengkujuh bukan masa untuk duduk di rumah, bermuram durja kerana kerja terhenti atau masa berehat panjang dengan dapur tidak berasap.

Jelaslah, projek Teluk Warisan berjaya menukar pemikiran dan persepsi bahawa musim tengkujuh masih boleh dimanfaatkan jika kita tahu memilih program bersesuaian. Sebenarnya, bukan setakat bermain perahu layar dan pertandingan memancing, Sang Bedal melihat potensi luncur ombak, luncur angin dari puncak Bukit Besar, regatta kenu dan endurance perahu panjang.

Justeru, serti pertandingan memancing sempena Monsoon Cup di Pulau Duyong 1 Disember ini!